

**INDEKS KEPENTINGAN INDUSTRI PELANCONGAN  
MAMPAN PULAU LANGKAWI**

**MOHD RAWI HAJI ABD HAMID**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**INDEKS KEPENTINGAN INDUSTRI PELANCONGAN  
MAMPAN PULAU LANGKAWI**

**oleh**

**MOHD RAWI HAJI ABD HAMID**

**Tesis dihantar sebagai pemenuhan  
keperluan untuk ijazah  
Sarjana Sains**

**Ogos 2019**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah yang Maha Penyayang dan semoga damai sejahtera dan berkat buat junjungan Nabi Muhammad SAW. Terima kasih kepada Allah untuk semua nikmat yang telah diberikan untuk saya siapkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada penyelia saya, Dr. Md. Sayuti Ishak kerana telah meluangkan masa untuk memberi bimbingan dengan dedikasi dan penuh kesabaran, nasihat yang baik, menjana idea-idea kreatif, memberi motivasi dan sokongan moral kepada saya dalam proses melengkapkan kajian ini. Ini adalah penghormatan terbesar saya untuk berada di bawah bimbingannya.

Terima kasih juga kepada responden (pelancong dan penduduk setempat di Langkawi yang sudi meluangkan masa untuk menjawab soalan kaji selidik yang diedarkan. Kerjasama kalian amat saya hargai.

Ribuan terima kasih juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang tidak pernah berhenti memberi sokongan dan galakan dalam tempoh kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada isteri saya yang banyak membantu saya dari awal sehingga akhir kajian ini. Terima kasih atas sokongan, motivasi dan galakan yang diberikan.

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1 - PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang.....	1
1.2 Pembangunan Mampan.....	8
1.3 Penyataan Masalah.....	9
1.4 Matlamat Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian.....	11
1.6 Skop Kajian.....	12
1.7 Signifikan Kajian.....	12
1.8 Kaedah Kajian.....	13
1.9 Ringkasan.....	17

<b>BAB 2 – KAJIAN LITERATUR .....</b>	<b>18</b>
2.1 Ciri Ciri Dan Latar Belakang Pelancongan Mampan .....	18
2.2 Pelancongan Mampan .....	26
2.2.1 Pelancongan Mampan dari aspek Sosial.....	28
2.2.2 Pelancongan Mampan dari aspek Ekonomi.....	30
2.2.3 Pelancongan Mampan dari aspek Alam Sekitar .....	31
2.3 Pelaksanaan Pelancongan Mampan di Peringkat Dunia.....	32
2.3.1 Sosial.....	33
2.3.2 Ekonomi.....	33
2.3.3 Alam Sekitar .....	33
2.4 Pelaksanaan Pelancongan Mampan Dalam Asia.....	34
2.4.1 Sosial.....	35
2.4.2 Ekonomi.....	35
2.4.3 Alam sekitar .....	36
2.5 Pelaksanaan Pelancongan Mampan Dalam Malaysia.....	36
2.5.1 Sosial.....	36
2.5.2 Ekonomi.....	37
2.5.3 Alam Sekitar .....	38
2.6 Ciri Ciri Pelancongan Mampan Untuk Pembangunan Industri Pelancongan Mampan Di Langkawi .....	39
2.6.1 Sosial.....	39
2.6.2 Ekonomi.....	40
2.6.3 Alam Sekitar .....	41

<b>BAB 3 – KAEDAH KAJIAN.....</b>	<b>42</b>
3.1 Pengenalan .....	42
3.2 Reka Bentuk Kajian .....	43
3.3 Kaedah Pensampelan .....	44
3.4 Proses Pengumpulan Data.....	46
3.5 Instrumentasi.....	47
3.5.1 Pengukuran dan Instrumentasi.....	48
3.5.2 Ukuran dan Kawalan Pemboleh ubah.....	50
3.5.2(a) Ciri-Ciri Pelancongan mampan .....	52
3.5.3 Analisis Kebolehpercayaan Alatan.....	54
3.5.4 Analisis Kesahihan Peralatan .....	54
3.6 Pengumpulan Data .....	56
3.7 Kaedah Analisis Data.....	58
3.8 Ringkasan.....	61
<b>BAB 4 – PENEMUAN PENYELIDIKAN .....</b>	<b>62</b>
4.1 Analisis.....	62
4.2 Maklumat Latar Belakang.....	63
4.3 Ciri-Ciri Pembinaan Bangunan Mampan Dalam Pelancongan Mampan Yang Menjadi Pilihan Pelancong Dan Penduduk Setempat Di Masa Hadapan .....	65
4.3.1 Aspek Sosial .....	65
4.3.2 Aspek Ekonomi .....	69
4.3.3 Aspek Alam Sekitar .....	74
4.4 Kedudukan Ciri-ciri Pelancongan Mampan yang Diterima oleh Responden .....	78
4.5 Ringkasan.....	81

<b>BAB 5 – KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>82</b>
5.1 Pengenalan .....	82
5.2 Kesimpulan .....	83
5.3 Cadangan.....	88
<b>Rujukan.....</b>	<b>91</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1 Perbezaan Konsep Pelancongan Hijau, Mapan dan Ekosistem	22
Jadual 2.2 Perbezaan Pendekatan Pelancongan Mampan secara Halus dan Kasar	26
Jadual 3.1 Populasi dan Cadangan bilangan sampel	46
Jadual 3.2 Ringkasan Pemboleh ubah dan Ukuran Instrumen	51
Jadual 3.3 Tahap Kebolehpercayaan Peralatan	54
Jadual 3.4 Ringkasan Pengumpulan Data	57
Jadual 4.1 Statistik Kebolehpercayaan	62
Jadual 4.2 Nilai Min Dalam Aspek Sosial	66
Jadual 4.3 Nilai Min Dalam Aspek Ekonomi	71
Jadual 4.4 Nilai Min Dalam Aspek Alam Sekitar	75
Jadual 4.5 Kedudukan ciri-ciri pelancongan mampan yang diterima oleh responden	79
Jadual 5.1 Ringkasan Dapatan Kajian	84



## SENARAI RAJAH

	<b>Muka Surat</b>	
Rajah 1.1	Rangka Kerja Kajian	14
Rajah 1.2	Aliran Proses Kajian	16
Rajah 3.1	Lokasi Pengumpulan Data Di Langkawi	45
Rajah 3.2	Pemboleh ubah Bebas Dan Pemboleh ubah Bersandar	50
Rajah 3.3	Ringkasan Ciri-Ciri Pelancongan Mampan	51
Rajah 4.1	Status Responden	63
Rajah 4.2	Pengetahuan Responden Tentang Pelancongan Mampan	64

## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analisis Varian
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
UNWTO	<i>World Tourism Organization</i>
LED	<i>Light Emitting Diode</i>
LADA	Lembaga Pembangunan Langkawi

# **INDEKS KEPENTINGAN INDUSTRI PELANCONGAN**

## **MAMPAN PULAU LANGKAWI**

### **ABSTRAK**

Sedang pembangunan mampan berkembang pesat dalam industri pelancongan, masih terdapat jurang dalam mengintegrasikan mampan dan pelancongan. Malaysia juga tidak mempunyai ciri-ciri pelancongan mampan yang lebih tersusun dan boleh dilaksanakan dalam sistem pelancongan dan boleh diguna pakai oleh kesemua pasukan pelancongan. Dalam pembangunan sektor pelancongan yang semakin rancak saban hari, sektor ini secara perlahan telah memberi kesan negatif kepada persekitaran menyebabkan pembangunan mampan semakin diberi perhatian oleh seluruh dunia. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan ciri-ciri pelancongan mampan yang perlu diterapkan dalam sektor pelancongan dan boleh diterima oleh pelancong dan penduduk setempat bagi melaksanakan pelancongan mampan agar dapat meningkatkan penerimaan teknologi mampan dalam sektor pelancongan.

Pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan dengan menggunakan kajian literatur dan pengumpulan soal selidik. Populasi sampel diambil dari penduduk setempat dan warga asing yang sedang berkunjung ke Pulau Langkawi. Kira-kira 423 kertas kerja pengukuran telah diedarkan untuk penduduk tempatan dan pelancong dan setiap kertas tersebut dapat diambil kembali untuk dianalisis. Hasil daripada perisian SPSS menunjukkan hanya 16 dari 27 ciri pelancongan mampan yang diterima oleh responden. Kebanyakan responden juga menumpukan perhatian kepada aspek alam sekitar dalam jawapan mereka yang menunjukkan betapa banyaknya mereka menekankan sifat dan kesedaran alam sekitar dalam pelancongan mampan. Kajian ini mengenal pasti ciri-ciri pelancongan mampan yang diterima oleh responden yang boleh digunakan dan diterapkan dalam pembangunan pelancongan mampan di Malaysia.

# **RELATIVE IMPORTANCE INDEX OF THE SUSTAINABLE TOURISM INDUSTRY IN LANGKAWI ISLAND**

## **ABSTRACT**

While sustainable development is growing rapidly in the tourism industry, there is still gap in integrating sustainability and tourism. Malaysia also do not have a proper sustainable tourism features that can be widely applied by the tourism players in the industry. In light of the importance of the industry to many parties locally and globally, due care must be given to the tourism industry on its impact to sustainable development. It had been noted by previous evidences that sustainable tourism in Malaysia still lagging and slow compared to other countries. The purpose of this study is to determine the features of sustainable tourism that must be applied in sustainable tourism development and can be accepted by tourist and locals to implement sustainable tourism in order to increase the acceptance of sustainable technology in tourism sector.

The data collection for this research was done using literature review and questionnaire distribution. The sample population was taken from locals and foreigners visiting Langkawi Island. About 423 survey papers were distributed for both local and tourists and each paper was able to be retrieved back to be analysed. Result from the SPSS software shows only 16 out of 27 sustainable tourism features were accepted by respondents. Most respondents also seem to focus on the aspect of nature in their answers which shows how much they emphasize nature and environmental awareness in sustainable tourism. This study identify the features of sustainable tourism accepted by respondents which can be used and applied in the development of sustainable tourism in Malaysia.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang**

Sektor pelancongan merupakan sektor terbesar dan perkhidmatan yang paling cepat di dunia hari ini. Menurut kajian yang dijalankan oleh Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Adham (2012), sektor ini mewakili lima peratus (5%) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyumbang kira-kira lapan peratus (8%) daripada jumlah pekerjaan. Manakala pelancongan antarabangsa pula menyumbang hampir 30 peratus (30%) daripada perkhidmatan komersial eksport di dunia atau enam peratus (6%) daripada jumlah eksport. Tambahan lagi, sektor pelancongan juga merupakan pasaran utama bagi golongan yang berpendapatan dari pasaran eksport bagi 60 buah negara di seluruh dunia (Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Adham, 2012).

Pelancongan mampan juga berupaya untuk menangani permasalahan berkaitan ekuiti antara generasi ( generasi akan datang dapat memenuhi keperluan sumber mereka) dan ekuiti intra-generasi (barangan dan perkhidmatan yang sama rata dalam ekonomi semasa). Dengan peningkatan sektor pelancongan yang makin agresif pada masa kini, ia mendesak sektor ini untuk menyelesaikan masalah yang timbul dalam sektor pelancongan seperti kesan terhadap alam sekitar dan sumber air. Hal ini mendesak sektor ini untuk

meningkatkan kecekapan mereka (Weber, 2013). Menurut Zekri et al. (2011), kemerosotan sistem pengagihan air di Oman dan perbincangan mengenai lencongan air untuk industri pelancongan merupakan salah satu contoh betapa kritikal kesan yang timbul dari sektor pelancongan.

Istilah ekuiti bermaksud pihak berkepentingan semasa termasuk pengusaha pelancongan, kerajaan, masyarakat tempatan dan tenaga kerja tempatan berkongsi faedah pelancongan dan generasi akan datang juga boleh sama-sama memperoleh manfaat dari pembangunan ini. Ini juga sejajar dengan kunci utama bagi pelancongan mampan. Di samping itu, disebabkan pihak-pihak berkepentingan yang berbeza sering mempunyai matlamat dan persepsi terhadap strategi pembangunan pelancongan yang berbeza, sikap saling menghormati dan ketulusan perlu diamalkan dan mana-mana jurang asimetri yang timbul perlulah dikawal sebaiknya. Kegagalan mengatasi masalah ini boleh menyebabkan timbulnya masalah yang lebih rumit. Sebagai contoh, budaya minoriti yang mempunyai tanah dan mereka secara paksa diperuntukkan oleh kerajaan untuk pembangunan pelancongan tidak akan mengambil bahagian dalam menyumbangkan tenaga kerja untuk pelancongan dan mungkin akan cuba mensabotaj usaha pelancongan. Mereka mungkin akan menunjukkan sikap bermusuhan di kawasan awam, atau kes yang teruk, membakar dan sabotaj infrastruktur pelancongan. Laporan media berikutan hal ini akan menyebabkan kawasan pelancongan tersebut mendapat persepsi yang buruk justeru tidak dapat menarik pelancong ke sana. Oleh itu, ekuiti dalam pelancongan amatlah penting bagi menjayakan sektor pelancongan (Weber, 2013).

Pelancongan juga merupakan sumber pendapatan pertukaran asing bagi separuh (1/2) dari negara-negara kurang membangun dan satu per tiga (1/3) dari negara-negara membangun. Pembangunan yang pesat oleh industri pelancongan ini telah menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan memberikan impak negatif yang lain. Rekod menunjukkan bahawa sektor ini menyumbang kepada lima peratus (5%) daripada pelepasan gas rumah hijau. Oleh yang demikian, tanpa menafikan kepentingan sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi, industri pelancongan perlulah menjadi lebih mampan untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar serta memastikan pembangunan yang efektif. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menukar corak tidak mampan pada amalan pelancongan seperti penggunaan air berlebihan, pembuangan air yang tidak dirawat, jumlah sampah yang tidak terkawal, kerosakan biodiversiti dan ekosistem tempatan dan ancaman kepada tradisi dan budaya tempatan yang telah di bina (Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Adham, 2012).

Namun begitu, Semenjak *Rio Earth Summit Conference* yang diadakan pada tahun 1992, semua negara digalakkan untuk mengaplikasikan konsep mampan ke dalam operasi mereka dalam usaha ke arah penghasilan yang lebih bersih melalui penggunaan sumber yang lebih efisien. Mampan didefinisikan sebagai “pembangunan yang memenuhi keperluan sekarang tanpa menjejaskan kemampuan generasi akan datang demi memenuhi keperluan sendiri”. Definisi ini seiring dengan industri pelancongan di mana beroperasi di dalam persekitaran semula jadi dengan menggunakan jumlah bahan semula jadi yang signifikan. Penggunaan bahan semula jadi yang berlebihan akan menyebabkan pengurangan sumber di masa akan datang (Yusof & Jamaludin, 2013). Menurut Yamazaki, Oyama dan Oshima (1994), pelancongan mampan yang pertama telah

diperkenalkan di Eropah. Di Asia, sektor pelancongan mampan ini menjadi terkenal dalam beberapa buah negara seperti Jepun dan Korea Selatan. Kerajaan pusat Jepun mentakrifkan “pelancongan mampan” sebagai aktiviti masa lapang untuk menikmati alam semula jadi dan budaya sesuatu destinasi pelancongan dan berinteraksi dengan orang-orang tempatan kawasan luar bandar yang kaya dengan landskap semula jadi (Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Adham, 2012).

Menurut Kim *et al.* (2001), pelancongan mampan di Jepun menggunakan kedua-dua budaya luar bandar dan alam semula jadi di kawasan luar bandar untuk menarik pelancong. Sementara itu, kerajaan Korea Selatan pula telah mengesan potensi kejayaan yang tinggi dalam pelancongan mampan. Selaras dengan hal ini, kerajaan Korea Selatan telah mengambil tindakan dengan menetapkan dasar untuk pembangunan pelancongan mampan mereka. Dalam hal ini, pelancongan mampan mengejar pembangunan yang mesra alam dan bertujuan untuk menggalakkan nilai-nilai tradisi dan budaya hidup luar bandar.

Menurut Bohdanowicz dan Martinac (2003), industri pelancongan merupakan satu industri yang amat membahayakan persekitaran di mana industri ini akan menghasilkan barang tidak tahan lama, sisa air, tenaga dan pelepasan karbon yang berlebihan. Oleh yang demikian, Persic-Zivadinov (2010) berpendapat bahawa konsep mampan perlu disatukan dalam industri pelancongan. Namun begitu, hal ini bertentangan dengan hasil kajian dari Zhibo (2012) di mana kajian tersebut menyatakan bahawa tiada istilah yang spesifik bagi industri pelancongan mampan. Mereka juga berpendapat bahawa industri pelancongan mampan berbeza dari eko-pelancongan walaupun ia diiktiraf sama dah boleh ditukar ganti. Dalam istilah, mereka mempunyai pendapat yang sama seperti kajian lain di mana



kemampuan biasanya bermaksud semula jadi, kehidupan, keselamatan, tiada pencemaran, perlindungan alam sekitar dan lain-lain. Pelancongan mampan juga saling berkait dengan pembangunan dan teknologi kemampuan, perlindungan alam sekitar, kepelbagaian biologi, kesihatan manusia, dan lain-lain. Pelancongan mampan bukannya bermaksud hasil atau pencapaian, tetapi ia merupakan satu siri idea, kaedah dan langkah-langkah (Zhibo, 2012).

Pada asalnya, pelancongan yang berkualiti menawarkan pelancong ‘nilai yang terbaik bagi wang yang dilaburkan’. Pelancongan yang berkualiti juga berfungsi sebagai perlindungan sumber semula jadi tempatan dan sebagai tarikan kepada pelancong yang menghargai alam sekitar dan masyarakat setempat. Kualiti dan kemampuan dalam pelancongan sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh yang demikian, pelancongan mampan telah menjadi segmen pelancongan yang terkenal di dunia untuk mengatasi kesan negatif dan mengekalkan kesejahteraan ekonomi pelancongan. Secara umumnya, pelancongan mampan melibatkan penggunaan tenaga dan air yang cekap, memperbaiki sistem penjanaan sisa mewujudkan peluang pekerjaan dan orientasi yang signifikan dengan budaya tempatan dan alam semula jadi. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa pelancong dipengaruhi oleh kemampuan dan alam sekitar semasa perjalanan dan pelancongan mereka (Kapiki, 2012).

Menurut kaji selidik, 38 peratus (38%) pelancongan menyukai pelancongan yang mesra alam, 38 peratus (38%) pelancongan menginap di kawasan pelancongan yang mesra alam dan 34 peratus (34%) pelancong bersedia untuk membayar lebih untuk kawasan pelancongan yang mesra alam. Kajian juga menunjukkan maksimum nombor pelancong antarabangsa yang tertarik dengan isu-isu sosial, budaya, alam sekitar destinasi

pelancongan. Rheem dan Beresford (2009) berpendapat bahawa kira-kira satu per tiga (1/3) pelancong dari rakyat Amerika sanggup membayar kos tambahan untuk pelancongan mampan. Kajian yang sama juga menunjukkan bahawa pelancong menitikberatkan perkara-perkara berkaitan mesra alam di destinasi pelancongan mereka (Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Adham, 2012).

Namun begitu, jika dinilai dari sudut pandang pelancong, pelancongan mampan merujuk kepada aktiviti-aktiviti berdasarkan pembangunan mampan, perlindungan alam sekitar, kepelbagaian biologi dan prinsip lain. Walaupun pelancongan mampan merupakan satu kaedah dan langkah-langkah bagi mencapai pembangunan mampan, dari perspektif perniagaan pelancongan, pelancongan mampan merujuk kepada penyediaan perkhidmatan dan produk melalui teknologi canggih dan kedah yang tertentu seperti jumlah pelepasan karbon yang rendah, penjimatan tenaga dan ekonomi. Secara ringkasnya, pelancongan mampan merupakan satu industri yang mesra alam dan meninggalkan alam sekitar yang indah kepada generasi akan datang (Zhibo, 2012).

Selain itu, pembangunan dalam industri pelancongan juga memberi perubahan terhadap komuniti setempat. Walaubagaimanapun, untuk menggalakkan perubahan ini terjadi, komuniti perlulah terlibat secara aktif dalam proses pembangunan bagi mencapai pembangunan yang mampan bagi kawasan destinasi pelancongan. Tambahan lagi, masyarakat setempat perlulah diberi keuntungan dan faedah daripada pembangunan yang dijalankan. Kegagalan memberi perubahan yang positif akan menyumbang kepada wujudnya persepsi negatif terhadap pembangunan pelancongan dalam kalangan masyarakat setempat dan akan menyebabkan kegagalan dalam pembangunan industri tersebut (Yusof & Jamaludin, 2013).

Tambahan lagi, pembangunan mampan juga telah menunjukkan kesan positif ke atas pembangunan wilayah. Trend semasa menunjukkan bahawa pembangunan mampan semakin meningkat keupayaannya dalam menjana hasil perdagangan positif bagi masyarakat setempat. Oleh itu, isu-isu ketidaksamaan sosial dan ekonomi serantau menjadi perkara tumpuan utama untuk penambahbaikan. Kerajaan tempatan memberi penekanan kepada beberapa kelebihan kompetitif dan perbandingan bagi pembangunan wilayah yang berkesan dan sesuai. Tambahan lagi, pembangunan mampan perlu diambil kira semua dimensi iaitu pembangunan mampan, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pelaksanaan pelancongan mampan boleh mendorong ekonomi serantau dengan membuka peluang penjanaan pendapatan secara tersurat dan tersirat. Dari segi sosial, pelancongan mampan adalah dengan menjaga warisan dan budaya kawasan setempat dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Yusof dan Jamaludin (2013). Selain itu, pelancongan mampan juga boleh meningkatkan pembangunan infrastruktur yang lebih mesra alam seperti penginapan, jalan raya, bahan buangan dan loji rawatan air dan loji kuasa.

Menurut Bhuiyan et al (2011), pelancongan merupakan salah satu sektor pendapatan terbesar bagi Malaysia. Kesan industri pelancongan secara positif kepada ekonomi Malaysia dalam meningkatkan pertukaran mata wang asing dan menyediakan peluang pekerjaan. Dalam konteks ini, selain menyediakan infrastruktur asas yang mencukupi, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan dana yang jelas untuk meningkatkan industri pelancongan. Tambahnya lagi, sektor pelancongan merupakan sektor pendapatan pertukaran asing yang kedua terbesar bagi negara ini selepas sektor pembuatan. Dari segi jumlah kedatangan pelancong global, Malaysia berada di kedudukan

ke -16 pada tahun 2008 iaitu anggaran sebanyak dua peratus (2%) daripada bahagian pasaran global (Mirsanjari & Mirsanjari, 2012). Kerajaan Malaysia juga mempunyai keazaman yang kuat dalam industri pelancongan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Ini adalah sebahagian usaha untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan menjelang 2020.

## **1.2 Pembangunan Mampan**

Zaman sekarang, pembangunan mampan telah menjadi satu sebutan atau kata frasa untuk industri pembangunan di serata dunia. Pelbagai organisasi swasta dan juga kerajaan telah mengadaptasikan konsep tersebut sebagai paradigma terbaru untuk sektor pemajuan dan pembangunan di negara kita. Namun demikian, walaupun konsep yang menyeluruh ini merangkumi kekuatan politik, formulasi dan pandangan sekarang daripada pihak arus perdana terhadap pembangunan mampan mempunyai beberapa kelemahan yang signifikan (Lélé, 1991). Ini termasuk persepsi yang tidak lengkap mengenai isu kemiskinan dan kemusnahan alam sekitar, dan kekeliruan tentang peranan pertumbuhan ekonomi dan konsep kemampanan dan penyertaan. Kajian daripada Lélé (1991) mencadangkan jika pembangunan mampan mempunyai impak yang mendasar, kekeliruan yang berkenaan dengan politiklah akan dilupuskan demi kejelasan dan ketekunan intelektual.

Selain itu, tugas memenuhi keperluan pembangunan manusia dan pada masa yang sama melindungi sistem sokongan kehidupan bumi menggalakkan penyelidik, ahli teknologi, pembuat polisi dan masyarakat dari peringkat tempatan ke seluruh dunia untuk

menghadapi konsep tersebut. Ramai masyarakat fikir bahawa sains dan teknologi mesti memainkan kedudukan yang lebih penting dalam pembangunan yang mampan, tetapi terdapat sedikit penyelidikan sistematik tentang bagaimana membina organisasi yang cekap memanfaatkan sains dan teknologi untuk kemampanan (Cash, et al., 2003). Kadar integrasi teknologi kemampanan di negara kita yang kurang memuaskan ini juga mungkin disebabkan kesilapan dalam menggariskan dasar sumber semula jadi terdahulu dan hanya sekarang menampakkan kesedaran mengenai keperluannya dalam peralihan global asas dan praktis pengurusan persekitaran. Dalam kata lain, kesilapan tersebut adalah andaian bahawa sistem manusia dan semula jadi boleh ditangani secara berasingan (Folke, et al., 2002). Disebabkan itu, terdapat sesebuah keperluan untuk merancang kaedah dan garis panduan untuk pembangunan kemampanan dari segi pelancongan yang bersepadu dan lestari dengan keperluan dan kehendak komuniti (Inskeep, 1991).

### **1.3    Penyataan Masalah**

Sedang pembangunan mampan berkembang pesat dalam industri pelancongan, masih terdapat jurang dalam mengintegrasikan kemampanan dan pelancongan. Malaysia juga tidak mempunyai ciri-ciri pelancongan mampan yang lebih tersusun dan boleh dilaksanakan dalam sistem pelancongan dan boleh diguna pakai oleh kesemua pasukan pelancongan. Di Malaysia, sektor kerajaan dan sektor swasta telah melaburkan begitu banyak peruntukan untuk menyediakan kemudahan awam dalam meningkatkan sektor pelancongan (Marzuki, 2008). Namun begitu, pelaburan ini tidak tertumpu kepada pelancongan mampan, sebaliknya hanya umum kepada pelancongan. Dalam pembangunan sektor pelancongan yang semakin rancak saban hari, sektor ini secara

perlahan telah memberi kesan negatif kepada persekitaran. Oleh yang demikian, pembangunan mampan semakin diberi perhatian oleh seluruh dunia. Namun begitu, pelancongan mampan di Malaysia masih lagi ketinggalan dan perlahan berbanding negara-negara luar (Yusof & Jamaludin, 2013).

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor pelancongan banyak membantu dalam peningkatan ekonomi negara. Inisiatif pelancongan mampan telah dijalankan oleh seluruh negara sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan negatif sektor pelancongan terhadap alam sekitar. Pelancongan mampan juga telah dipraktikkan di Malaysia. Namun begitu, penglibatan di Malaysia amatlah sedikit berikutan beberapa faktor seperti kos yang tinggi dan kurangnya permintaan dari pelanggan (Yusof & Jamaludin, 2013). Hal ini menjadi penghalang kepada pembangunan pelancongan mampan di Malaysia justeru memberi impak terhadap ekonomi dan persekitaran. Oleh yang demikian, ciri-ciri pelancongan mampan yang diterima oleh pelancong dan penduduk setempat perlulah diketahui agar dapat membantu pemaju dan pihak yang terlibat untuk meningkatkan penglibatan dalam pelancongan mampan.

Pelbagai kajian telah dijalankan tentang pelancongan mampan. Namun begitu, kebanyakan kajian hanya tertumpu kepada para pemaju dalam menyediakan kemudahan pelancongan mampan kepada pelanggan. Yusof dan Jamaludin (2013) telah menjalankan kajian terhadap pengusaha dan pemilik kemudahan pelancongan mampan seperti hotel dan pusat pelancongan tentang teknologi mampan yang mereka adaptasikan untuk pelanggan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Marzuki (2008) berkaitan kesan dan sumbangan pelancongan mampan terhadap ekonomi, persekitaran dan sosio-budaya. Namun begitu, tiada kajian yang lebih saintifik dijalankan dalam membantu

meningkatkan penglibatan dalam pelancongan mampan. Oleh yang demikian, kajian ini perlu bagi mengetahui permintaan dan pandangan pelanggan (pelancong dan penduduk setempat) terhadap pelancongan mampan justeru dapat mempercepatkan penglibatan pelbagai pihak dalam sektor ini. Secara tidak langsung, hal ini dapat, membantu dalam peningkatan ekonomi negara.

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan ciri-ciri pelancongan mampan yang perlu diterapkan dalam sektor pelancongan dan boleh diterima oleh pelancong dan penduduk setempat bagi melaksanakan pelancongan mampan agar dapat meningkatkan penerimaan pembangunan mampan dalam sektor pelancongan. Oleh yang demikian, ia akan meningkatkan proses pembangunan pelancongan mampan di samping dapat membantu meningkatkan ekonomi negara melalui sektor ini.

#### **1.5 Objektif Kajian**

- I. Untuk mengenal pasti ciri-ciri pelancongan mampan yang diterima oleh pelancong dan penduduk setempat.
- II. Untuk mengenal pasti ciri utama pelancongan mampan yang diterima oleh pelancong dan penduduk setempat.

## **1.6 Skop Kajian**

Dalam kajian ini, responden dipilih secara rawak dari kalangan pelancong dan penduduk setempat di Pulau Langkawi. Pendapat pelancong dan penduduk setempat amat penting untuk mengetahui permintaan pengguna semasa dan tanggapan mereka terhadap pelancongan mampan. Pelancong dan penduduk setempat merupakan pengguna utama sektor pelancongan. Sektor pelancongan merupakan satu perniagaan manakala pelancong dan penduduk sekitar adalah pelanggannya. Dalam sesebuah perniagaan, kehendak dan permintaan pelanggan adalah amat penting. Oleh yang demikian, penerimaan mereka terhadap pelancongan amat penting bagi merealisasikan matlamat pelancongan mampan. Hal ini akan memberi peluang kepada pengusaha untuk menghasilkan ciri-ciri pelancongan mampan yang dapat diterima oleh pelancong dan penduduk setempat. Soalan kaji selidik diedarkan kepada 423 responden di sekitar Pulau Langkawi tanpa mengira jantina.

## **1.7 Signifikan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menyatakan perubahan yang perlu dilakukan dalam sektor pelancongan dalam menyampaikan pelancongan mampan dari sudut pandangan pelancong dan pengguna. Kajian ini akan memberikan gambaran semasa sektor pelancongan mampan di negara kita justeru dapat membantu pengusaha menyediakan lebih ciri-ciri pelancongan mampan dalam segala sektor pelancongan yang diceburi. Hasil kajian ini akan memberikan data yang amat bernilai bagi pembangunan pelancongan mampan di Malaysia. Hal ini akan membantu dalam meningkatkan proses pelancongan dalam mengintegrasikan kemampanan dan sektor pelancongan di samping memberikan




senarai tindakan-tindakan yang sewajarnya dilakukan bagi melahirkan pelancongan mampan.

## **1.8 Kaedah Kajian**

Dalam usaha untuk menjalankan kajian ini, ia perlulah mengikut beberapa langkah bagi mendapatkan keputusan kajian yang tepat. Dalam rangka kerja penyelidikan, terdapat tiga perkara yang digunakan untuk menentukan ciri-ciri pelancongan mampan yang diterima oleh pelancong dan penduduk setempat. Tiga perkara tersebut adalah dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Kaedah kajian dijelaskan lagi dalam gambar rajah di halaman seterusnya:



Rajah 1.1: Rangka Kerja Kajian

Kajian ini mempunyai dua hipotesis iaitu:

- $H_0$  = Tidak semua ciri-ciri pelancongan mampan dalam setiap aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar diterima oleh pelancong dan penduduk setempat.
- $H_1$  = Kesemua ciri-ciri pelancongan mampan dalam setiap aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar diterima oleh pelancong dan penduduk setempat.

Tambahan lagi, terdapat beberapa langkah yang dilakukan dalam memperoleh hasil kajian. Setiap langkah dijelaskan dengan lebih terperinci dalam setiap bab. Langkah pertama ialah kajian literatur. Kajian literatur dijalankan untuk memperoleh idea dan gambaran keseluruhan bagi skop topik kajian iaitu pelancongan mampan. Setelah kajian literatur dijalankan, masalah yang timbul dalam pelancongan mampan akan diperoleh dan permasalahan ini akan menjadi soalan kajian bagi kajian yang dijalankan.


Dalam bab dua, kajian literatur tentang pelancongan mampan dari pelbagai negara akan dijalankan. Kajian literatur ini terdiri daripada artikel, jurnal, laporan dan buku yang diperoleh daripada media massa untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang topik yang dikaji. Setiap maklumat yang diperoleh akan dicatat dan dibandingkan antara satu sama lain untuk melihat ciri-ciri pelancongan mampan ini dijalankan di negara-negara lain. Kajian literatur ini juga digunakan untuk menyediakan soalan kaji selidik. Maklumat yang diperoleh daripada kajian literatur akan digunakan sebagai jawapan alternatif di dalam soalan kaji selidik di mana akan membantu responden untuk menjana idea mereka tentang isu tersebut.

Bab tiga akan membincangkan tentang pengumpulan data. Dalam bab ini, soalan kaji selidik akan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelancong dan penduduk setempat. Responden dipilih dari Langkawi. Bab ini juga menerangkan kaedah kajian yang akan digunakan untuk menganalisis data.

Dalam bab empat, data yang dikumpul dari responden akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Perisian ini digunakan untuk menjalankan analisis statistik iaitu analisis kekerapan, analisis kebolehpercayaan dan ujian ANOVA. Ujian Cronbach's

alpha akan digunakan untuk menguji kebolehpercayaan data yang diperolehi. Setelah ujian dijalankan' kesemua hasil dapatan akan dicatat dan kesemua objektif kajian akan dijawab.

Bab lima akan membincangkan tentang rumusan hasil kajian dan akan memberikan cadangan untuk penyelidikan akan datang. Di samping itu, kelemahan yang berlaku sepanjang kajian dijalankan juga akan dibincangkan dalam bab ini.



Rajah 1.2: Aliran Proses Kajian

## 1.9 Ringkasan

Sebagai kesimpulannya, pelancongan mampan sangat penting dalam membantu meningkatkan sektor pelancongan di samping dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan terhadap pelancongan mampan. Akan tetapi, kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada kaedah untuk mencapai pelancongan mampan. Pendapat pelancong dan penduduk amatlah penting di mana mereka merupakan pengguna kepada sektor ini. Penerimaan dan permintaan daripada mereka amat penting dalam meningkatkan pelancongan mampan.

Pelancongan mampan tidak dapat dijayakan sekiranya pelancong dan penduduk setempat tidak berminat atau tidak menerima ciri-ciri pelancongan mampan yang disediakan. Selain itu, ia juga dapat memberi gambaran situasi sebenar pelancongan mampan yang sedang berlaku justeru dapat memberikan peluang untuk meningkatkan sektor pelancongan mampan.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Ciri Ciri Dan Latar Belakang Pelancongan Mampan

Pelancongan mampan merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga, air dan juga bahan buangan tidak terpakai (Zeenat Begam Yusof, 2013). Dalam sektor pelancongan, topik pelancongan mampan amat menitik beratkan konsep yang berfokuskan 3R – ‘*reuse, reduce, recycle*’, guna semula, kurangkan penggunaan, kitar semula, dan juga konsep 2E- ‘*energy and efficiency*’, tenaga dan kecekapan pengurusannya. Sejak akhir ini, bidang pelancongan mampan terus berkembang dan melangkaui beberapa perkara termasuk kawalan kualiti udara dalaman, pengurangan bunyi, pembelian dan penggunaan barang-barang berkonsepkan kemampanan, pengenalan teknologi tanpa kertas, pengawalan tempat berkonsepkan mampan, pengangkutan mampan, pendidikan mengenai alam sekitar dan komuniti servis (Pizam, 2009).

Selain itu, menurut Ceballos-Lascurain (1993) contoh lain mengenai pendekatan pelancongan mampan adalah tenaga yang boleh diperbaharui, pengumpulan air hujan, kitar semula air, lampu yang menggunakan elektrik secara efisien, dan penggunaan barangan tempatan. Dalam kajian lain, pelancongan mampan turut didefinisikan sebagai pelancongan yang mengekalkan pemuliharaan kawasan setempat untuk menghayati keindahan alam sekitar, persekitaran, pemandangan, cara hidup, budaya dan perhubungan

dengan penduduk setempat (Sato & Hosoya, 2005). Selain itu, pelancongan mampan di Jepun turut didefinisikan sebagai konsep pelancongan yang mempromosikan perhubungan antara kawasan Bandar dan juga kawasan di luar Bandar seperti yang dipromosikan oleh Kementerian Pertanian, Perhutanan, dan Perikanan Jepun untuk menaiktaraf industri pelancongan di Negara tersebut.

Ciri ciri pendekatan lain yang diperkenalkan juga adalah termasuk penggunaan tanah dan pembinaan bangunan yang berkonsepkan alam sekitar, pemilihan rekreasi yang mampan, pilihan infrastruktur dan servis pengangkutan yang inovatif, penghasilan tenaga yang kurang memberi kesan kepada alam sekitar, dan sistem kawalan pembuangan bahan pepejal yang sentiasa diperkukuhkan (Kelly, Wolfgang, Peter, & Krista, 2007). Ciri sistem pelancongan mampan yang mampan turut memperkenalkan melalui pendekatan hotel yang bercirikan alam sekitar yang mempunyai pengurus yang mementingkan sistem yang menjimatkan air, menjimatkan tenaga serta mengurangkan sisa pepejal, serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan kos serta memberi impak yang baik serta bermanfaat dalam menyelamatkan alam sekitar serta dunia yang semakin berusia (Kapiki, 2012).

Terdapat kajian turut menyatakan bahawa pengurangan kos merupakan faktor yang paling mempengaruhi dalam memberi impak serta mendapatkan komitmen positif dalam industri pelancongan mampan (Kapiki, 2012). Operasi hotel yang dapat memaksimumkan penghasilan tenaga dan mengurangkan pembuangan akan menjadi lebih kos efektif berbanding dengan pesaing yang tidak mengamalkan konsep tersebut. Secara amnya, hotel dapat mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 20% hingga 40% tanpa mengganggu sedikit pun prestasi servis yang disediakan.

Kejayaan sesebuah jenama berkonsepkan mampan selalunya amat berkait rapat dengan teknologi alternatif dan juga kesedaran pentingnya alam sekitar dalam setiap tatacara amalan perniagaan. Kajian lain (Chen, 2009) menekankan beberapa kunci penting yang menjadi tunjang utama untuk mendapat kepercayaan, kepuasan dalam mengaplikasikan pelancongan yang berkonsepkan alam sekitar. Antara kunci utama ialah sentiasa konsisten, bedaya saing, jujur dan bertanggungjawab. Badan pengurusan sesebuah organisasi pelancongan mampan merupakan sebuah entiti yang sangat berguna untuk membentuk serta melaksanakan transformasi yang menjayakan objektif pelancongan mampan tersebut (Pickett-Baker & Ozaki, 2008).

Pelancongan berkonsepkan kemampanan merupakan satu aset yang bercirikan alam sekitar yang mempunyai pengurus yang berhasrat tinggi dalam melaksanakan program yang menjimatkan air, menjimatkan tenaga, mengurangkan pembuangan sisa pepejal, serta mengurangkan kos dan dapat memelihara bumi (Green Hotel Association, 2008). Baloglu dan Miller (2008) menambah faktor sosioekonomi dengan menyatakan bahawa hotel berkonsepkan pelancongan mampan bertanggungjawab melakukan perlaksanaan yang memberi kesan terhadap pekerja, komuniti setempat, dan juga persekitaran. Dalam takrif lain seperti yang dibentangkan dalam persidangan EuroCHRIE di Dubai pada 2008: Hotel mesra alam adalah satu cabang yang mempunyai kesedaran tinggi dalam menggalak dan mengamalkan konsep yang cekap tenaga, pemuliharaan dan mengamalkan kitar semula dalam menyediakan perkhidmatan yang sihat, mampan dan bersih (Liu, Hong, & Li, 2016).

Baloglu dan Millar (2008) menyatakan bahawa sifat-sifat penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan pelancong



adalah seperti berikut; lampu yang cekap tenaga, tandas yang menjimatkan air, tuala yang boleh digunakan semula, pertukaran cadar berdasarkan permintaan, pengasingan bahan buangan, penggunaan *sensor*, dan juga kunci bilik berkonsepkan kad (Baloglu & Miller, 2008). Kajian juga menunjukkan bahawa responden berumur 60 tahun ke bawah mempunyai kesanggupan yang tinggi untuk menyertai program berkonsepkan alam sekitar. Kajian Chan & Ho (2006) turut menyatakan bahawa pengguna lebih cenderung untuk memilih kemudahan yang mempunyai inisiatif dalam pemuliharaan alam sekitar jika dibandingkan dengan dua hotel yang sama (Manaktola & Jauhari, 2007). Pengguna lebih mengharapkan perkhidmatan yang lebih berkualiti berbanding kos dalam perbandingan antara hotel berkonsepkan alam sekitar (Lee, *et al.*, 2010).

Pelancongan seringkali dikaitkan dan mempunyai hubungkait rapat dengan alam sekitar dan menjadikan pemasaran pelancongan berkonsepkan alam sekitar dalam industri perhotelan semakin menarik. Destinasi pilihan pengguna seringkali dikaitkan dengan persekitaran sekeliling seperti landskap, gunung dan laut. Industri pelancongan, termasuklah hotel jika hendaklah memenuhi faktor berikut untuk dikelaskan sebagai hotel berkonsepkan alam (Manaktola & Jauhari, 2007); kehendak pengguna, undang-undang, etika, kepuasan pengguna, nilai estetik, inisiatif pelabur, dan pengaruh organisasi yang menguruskan alam sekitar setempat. Komunikasi dengan pelancong pula dikelaskan sebagai cabaran kerana mereka perlu dimaklumkan secukupnya mengenai usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Konsep pelancongan mampan secara jelas mempunyai perbezaan tersendiri berbanding dengan pelancongan mampan dan juga pelancongan ekosistem. Perbezaan tersebut dapat diringkaskan dalam jadual seperti di bawah;

Jadual 2.1: Perbezaan Konsep Pelancongan Hijau, Mampan dan Ekosistem

Pelancongan Hijau	Pelancongan Mampan	Pelancongan Eko
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan hijau merupakan konsep terbaru pelancongan tetapi masih mementingkan konsep pemuliharaan alam sekitar (Lane, 1994).</li> <li>• Pelancongan hijau mempunyai perbezaan dengan pelancongan eko yang lebih bersifat pembelajaran mengenai alam semula jadi melalui pengalaman pelancongan sementara pelancongan hijau lebih menumpu terhadap pelancongan dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada maksud tersendiri mengenai pelancongan mampan dan hanya membawa ideologi lebih berbanding mempraktikkannya (Saarinen, 2006).</li> <li>• Diperolehi melalui konsep pembangunan mampan yang menggabungkan konsep pembangunan yang merangkumi tiga tunjang utama; pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar (UNDESA, 2001)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai konsep tersendiri yang mengutamakan alam sekitar serta memfokuskan pemuliharaan alam sekitar dalam pelaksanaan aktiviti pelancongan (Yokoyama, 1998).</li> <li>• Diperkenalkan sebagai idea untuk menjadi salah satu sumber kewangan untuk memulihara nilai alam semula jadi. Dalam konteks negara membangun, pelancongan eko membawa definisi pelancongan berkonsepkan alam sekitar yang bertujuan mengurangkan kesan buruk terhadap sosial,</li> </ul>

<p>tempat yang lebih spesifik dengan mencadangkan cara berbelanja ketika melancong dan seperti menekankan pemulihan daripada tekanan melalui pendekatan terhadap alam sekitar (Lane, 1994).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan hijau dikatakan bermula beberapa kawasan Eropah yang berpopulasi rendah. Terdapat tiga fasa dalam pembangunan pelancongan hijau; pertamanya adalah pada penghujung 1940 ketika kemudahan pelancongan dibangunkan untuk para</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertujuan untuk menjadi paksi dalam mencapai kesinambungan antara tiga paksi utama</li> <li>• Pelancongan mampan haruslah merangkumi tiga aspek penting iaitu; menggunakan sumber alam semula jadi secara optimum untuk mengekalkan ekosistem dan membantu memulihara warisan semula jadi dan biodiversiti, menghormati budaya sosial komuniti setempat dengan memulihara bangunan, warisan budaya dan nilai tradisional serta menyumbang kepada persefahaman dan toleransi dalam</li> </ul>	<p>budaya dan perubahan ekosistem. Bertujuan untuk melahirkan rasa bertanggungjawab dan menjadi satu platform untuk menjana sumber pendapatan melalui sumbangan orang ramai untuk memulihara sesuatu tempat (Yokoyama, 1998).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam kajian Weaver dan Lawton (2007), terdapat tiga teras utama pelancongan eko yang dipersetujui oleh kebanyakan intelektual merangkumi; tarikan utama hendaklah berkonsepkan alam semula jadi, tujuan dan kehadiran</li> </ul>
---	---	--

<p>veteran Perang Dunia Ke-2. Pada 1960 – 1970, bilangan petani berkurang secara mendadak dan menyebabkan peninggalan rumah dan juga ladang-ladang terbiar. Keadaan ini menjadi salah satu sebab kemasukan pelancong asing setelah berkurangnya pertumbuhan pertanian di Eropah (Yamazaki, Oyama, &amp; Oshima, 1994).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan hijau turut didefinisikan sebagai ‘pelancong yang terpilih dari kelas sosio ekonomi</li> </ul>	<p>perbezaan budaya. Aspek seterusnya dalam kajian ini turut melibatkan kemampanan ekonomi jangka masa panjang (UNTWO, 2017)</p>	<p>pelancong ke tempat tertentu hendaklah mempunyai tujuan pembelajaran atau kajian dan pengurusan sesuatu kawasan pelancongan eko haruslah mematuhi prinsip yang berteraskan ekologi, sosiobudaya dan kemampanan ekonomi kawasan setempat (Weaver &amp; Lawton, Twenty years on: The state of contemporary ecotourism, 2007)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan eko juga melibatkan elemen pembelajaran yang memberi kelebihan melalui kawasan tertentu yang dipulihara (Weaver, Ecotourism as Mass Tourism:</li> </ul>
--	--	--